

10 JAN 1997

Sekolah

SEKOLAH SATU SESI:KEMENTERIAN PENDIDIKAN BINCANG DENGAN KPPK

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) yang membantah pelaksanaan sistem sekolah satu sesi hari ini mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Wan Zahid Wan Nordin, bagi membincangkan mengenai pelaksanaan sistem itu yang dijadualkan bermula pada 9 Jun ini.

KPPK, yang diketuai oleh Setiausaha Agungnya, N. Siva Subramaniam berbincang dengan Wan Zahid dan beberapa pegawai kanan Pendidikan di Kementerian Pendidikan, di Pusat Bandar Damansara, kira-kira dua setengah jam bermula pukul 3 petang ini.

Bagaimanapun kedua-dua pihak enggan memberikan sebarang kenyataan mengenai mesyuarat itu, yang difahamkan turut membincangkan tindakan KPPK untuk mendakwa sekolah yang telah melaksanakan sistem itu di mahkamah.

Rabu lepas, Siva mendakwa lebih 20 sekolah di seluruh negara telah melaksanakan sistem itu walaupun Kementerian Pendidikan menegaskan projek perintis itu hanya mula dilaksanakan pada tarikh berkenaan.

Wan Zahid, yang juga pengerusi Jawatankuasa Permuafakatan kementerian yang membincangkan perkara itu, berkata satu kenyataan mengenainya akan dikeluarkan esok di pejabatnya.

Sistem sekolah satu sesi itu akan dilaksanakan di 28 buah sekolah menengah di seluruh negara pada 9 Jun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam membidas KPPK yang menentang pelaksanaan sistem sekolah satu sesi itu.

Beliau berkata kerajaan tetap akan melaksanakan persekolahan satu sesi bagi memelihara kepentingan pelajar walaupun cadangan itu tidak dipersetujui oleh KPPK. -- BERNAMA

ERE NAK